

# SELAGI SUKARNO MENJADI PRESIDEN INDONESIA AKAN HANCUR?

Dalam masa menulis ini kita mendengar barisan bintang di Sumatera Tengah yang disusul pula oleh angkatan perang Territorium 1 telah mengisytiharkan bahawa mereka tidak ada hubungan lagi dengan pusat (Jakarta)- tegasnya mereka mengadakan pemerintahan sendiri maka dengan itu Sumatera Tengah dan Sumatera Timur sudah terletak di dalam kekuasaan tentera. Apakah ertinya ini kepada kerajaan Indonesia? Apakah yang menjadi punca segala perpecahan yang berlaku dalam angkatan darat yang tidak putus-putusnya semenjak 17 Oktober, 1952 dahulu? Bagi orang-orang yang tidak mengikuti perkembangan di Indonesia tentu tidak mengetahui siapa yang bertanggungjawab dan siapa sebenarnya pemecah kesatuan angkatan darat itu.

(Oleh Wakil khas kita)

Perpecahan yang berlaku dalam angkatan darat itu sebenar-benarnya yang utama, sebagaimana yang disebut oleh punca-punca tentera sendiri, ialah angkatan darat itu dijadikan alat pemerintah dan bukan dijadikan hak atau alat rakyat. Oleh itu angkatan darat sudah menjadi alat politik bagi satu-satu pihak dan kerana itu perpecahan politik menjadi-jadi dan dengan sendirinya pula membawa perpecahan angkatan darat di dalam mana maka satu golongan naik maka golongan yang lain dipindah-pindahkan dan direbut kekuasaannya- tidak lagi disebut yang dipandang susunannya. Atau tujuan mengemaskan kedudukan angkatan perang itu. Kalau kita lihat sejarahnya maka selain dari yang tersebut ada pula sesuatu cara daripada apa yang dapat kita lihat, memecahkan kesatuan angkatan darat nampaknya sengaja dibuat oleh Presiden

Sukarno untuk mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden sebab kalau angkatan darat mempunyai kekuasaan di dalam sesuatu persatuan pada bila-bila sangat mereka boleh menggulingkan Presiden bila dipandang ia tidak lagi menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat, membazirkan hasil negara untuk kemewahan beberapa gelintir manusia termasuk kemewahan Presiden yang tidak boleh diganggu gugat. Apakah yang berlaku di sekitar hapusnya jawatan kepada staf angkatan perang Indonesia yang dipegang oleh Mejar Jeneral Simatupang itu? Jawabnya tidak lain menurut punca-punca yang mengetahui, ditakuti kekuasaan tentera itu terletak dalam tangan seseorang yang akibatnya akan mempunyai satu kuasa yang pada bila-bila masa mendesak, Presiden Sukarno meletak jawatan atau pun

mendesak supaya orang yang dipercayai rakyat boleh dilantik menjadi perdana menteri iaitu orang-orang seperti Mohammad Natsir, Shahrir (Sjahrir-wikipedia), Hamengku Buwono dan Dr Hatta iaitu orang-orang yang dikatakan tidak digemari atau tidak disukai oleh Presiden Sukarno sendiri.

Orang-orang ini jika menjadi Perdana Menteri maka sudah terang Presiden Sukarno yang bersemboyan kerajaan demokrasi parlimen itu tidak akan dapat lagi berbuat semahu-mahunya, bercakap sesukanya di hadapan umum sebab tiap-tiap cakap atau kata-kata di hadapan umum hendaklah terlebih dahulu disetujui oleh jemaah menteri, tidak seperti sekarang Presiden tidak boleh diganggu gugat. Salah Presiden apa lagi benar mesti diakui akibatnya boleh dilihat bahawa ucapan-ucapan yang dilakukannya Presiden memecahkan persatuan umat Indonesia berdiri dalam satu pihak (Partai Nasional Indonesia) menentang partai-partai yang lain, khususnya Masyumi dan partai-partai Islam yang tidak mahu tunduk atau takluk di bawah Presiden. Lantikan yang dilakukan di dalam angkatan darat semata-mata ditujukan untuk melemahkan angkatan itu dan melantik pahlawan-pahlawan hanya orang-orang yang boleh menyukainya- tidak orang-orang yang berani menunjukkan kebenaran, berani menunjukkan hak rakyat, berani berterang-terang menangkap atau membongkar rahsia *corruption* (makan suap) dan lainnya yang dilakukan oleh menteri-menteri P.N.I. Kolonel Kawi-larang, Zulkifli Lubis dan lain-lain pegawai tentera yang berani menegakkan kebenaran dicari jalan untuk disingkirkan dan dibuat tuduhan-tuduhan buruk. Kerana perbuatan *corruption* banyak sekali dilakukan tidak lain dan tidak bukan oleh orang-orang Partai Nasional sendiri dan sebab itulah harus Presiden Sukarno menandatangani Undang-undang *anti-corruption* (anti makan suap). Boleh jadi

kalau undang-undang itu berjalan maka sudah nyata orang-orang yang disayangi oleh Presiden sendiri menjadi mangsa yang pertama.

Berita-berita sudah nyata menunjukkan bagaimana dahulu Sidik Joyosukarto ketua P.N.I dengan serta merta menjadi kaya. Bagaimana gembung-gembung P.N.I menjadi hartawan dan mewah, bagaimana Abdul Ghani dipertahankan dari ditangkap dengan perintah Kolonel Kawilarang apabila mendapati bukti-bukti yang nyata tentang bersubahat atau makan siapa yang bekaitan dengan percetakan negara. Semuanya yang berlaku di Indonesia gambaran ringkas apa yang berlaku di Indonesia sebagai mukadimah tulisan yang bakal bersambung-bersambung ini.

Marilah kita melihat perkara-perkara sesudah terbentuk Dewan Konservatif dalam mana tatkala membukanya itu Presiden Sukarno telah menyatakan bahawa janganlah hendaknya dasar yang ada sekarang ini diubah dengan yang lain yang bakal dibuat oleh Dewan Konservatif itu. Orang tentu bertanya: Apakah ertinya sebuah Dewan Konservatif kalau bukan untuk merangka undang-undang dasar kerajaan yang tetap dan Presiden sendiri tentu mengetahui bahawa orang-orang Islam seluruhnya menghendaki negara Islam di Indonesia. Ini kewajiban umat Islam memperjuangkannya- dapat atau tidak bukan ketentuan mereka. Kemudian bagaimana caranya Presiden menentang pengertian-pengertian yang diperjuangkan secara demokrasi itu?

Di Bogor dalam dalam ucapannya di hadapan polis dan tenterabeliau mengapi-apikan supaya tentera dan polis hendaklah mempertahankan ideologi yang ada kalau perlu dengan kekerasan- demikianlah ringkasnya yang dimaksud oleh Presiden.

Apa ertinya ini? Kalau dikaitkan dengan perjuangan beliau untuk memecah-mecahkan kesatuang angkatan darat dan

memilih pemimpin di dalam angkatan darat itu orang-orangnya sendiri maka sudah barang tentu tujuan dan cita-cita Presiden mahu menguasai Indonesia dengan pemerintahan diktator. Ini lebih nyata kalau dicontohkan pula dengan ucapan-ucapannya untuk menghapuskan partai-partai iaitu sesudah ia pulang dari melawat negara-negara eropah dan Komunis dahulu.

Dengan ini timbul satu soal: apakah Presiden Sukarno itu mahu berleluasa menguasai umat Indonesia, dan sebagaimana keterangan-keterangan yang didapati, menghendaki pula kelak pangkat kepada negara itu menjadi hak-hak keturunan sebagaimana yang dibayangkan daripada gerak-gerak Presiden dengan anaknya Guntur itu?

Perkara ini sebenarnya telah mengemparkan seluruh Indonesia dan lebih hebat lagi bahawa Presiden sudah mengeluarkan kata-kata seolah-olah bergantung jawab kepada partai-partai yang banyak adanya itu ialah Dr Hatta, yang pada masa itu menjawat jawatan wakil Presiden.

Seluruh umat Indonesia melihat, terutamanya umat Islam bahawa Presiden itu terang-terang menyalahi Partai Nasional dalam masa pemilihan umum yang lalu pada hal sifatnya sebagai kepala negara mestilah tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak walaupun pihak sendiri. Presiden sendiri pergi ke merata ceruk Indonesia mengadakan rapat-rapat umum untuk mempengaruhi rakyat supaya jangan memilih calon-calon Islam tetapi pilihlah calon-calon Partai Nasionalis yang akan menegakkan cita-cita panca sila yang sudah terang ditaja dan disalurkan olehnya untuk mengeneipikan agama daripada pemerintahan rakyat.

Pada masa itu langkah-langkah yang dijalankan iaitu cuba memecahkan persatuan umat Islam telah berjaya.

Presiden Sukarno dengan P.N.I nya sudah dapat memecahkan atau menjauhkan Nahdatul Ulama' daripada saudaranya iaitu umat Islam Masyumi. Kalau tadinya umat Islam bersatu di dalam Masyumi maka dengan kebijaksanaan Partai Nasionalis umat Islam dapat dipecahkan dan berdirilah Muslim Liga Indonesia yang ditaja oleh Nahdatul Ulama' P.S.I.I dan partai iaitu tubuh-tubuh yang boleh dikatakan dapat diperalat oleh kaum nasional untuk menentang saudaranya sendiri kaum muslimin sehingga mereka itu melupakan bahawa sepatutnya mereka tegas terhadap partai-partai di luar Islam dan terbaik-baik di antara sesama umat Islam.

Tuhan sudah menunjukkan yang benar itu benar, yang hak itu hak. Apabila berlaku pemilihan tentang ketua Dewan Perwakilan Rakyat, maka dengan pujukan yang baik dari Partai Nasionalis Nahdatul Ulama' bersetuju supaya orang Partai Nasionalis menjadi ketua Dewan Perwakilan Rakyat, dan apabila diundi Nahdatul Ulama' menyebelahi pihak nasionalis dengan perjanjian bahawa kelak apabila berlaku pemilihan yang dipertua Dewan Konstitusi (Perlembagaan) hendaklah calon Nahdatul Ulama' dipilih. Tetapi apa yang telah jadi? Jawabnya apabila Nahdatul 'Ulama' mencalonkan Kiyai Haji Dahlan menjadi ketua Dewan Perlembagaan itu maka calon itu ditentang oleh Partai Nasionalis yang mencalonkan pula Wilopo, sebagai ketua dewan itu.

Pada mulanya Masyumi mencalonkan juga wakilnya sebagai yang dipertua dewan itu tetapi apabila melihat Nahdatul Ulama' mencalonkan Kiyai Dahlan, maka Masyumi sebagai sifatnya rahamā baynahum menarik calonnya dan membiarkan undinya sebanyak 112 suara untuk menyokong calon Nahdatul Ulama'. Tetapi malangnya pemberian yang bersih

dan suci belum dapat menegakkan calon

Nahdatul Ulama' kerana dikalahkan oleh suara-suara yang menyebelahi P.N.I.

Ini ialah satu kejadian yang mempercantaskan Nahdatul Ulama' dan terjadilah perkara-perkara yang terang dan jelas bahawa puak kebangsaan itu tidak memberi kerjasama pada partai-partai Islam dan di sini dijelaskan Tuhan apa maksudnya *rahāmā' baynahum*. Maka dengan kejadian itu berdirilah di dalam perlembagaan itu satu blok yang dinamakan blok Islam untuk menegakkan kemuliaan Islam.

Kiyai Isa Anshari sebelum dewan itu bersidang mengatakan bahawa umat Islam wajib menegakkan cita-cita Islam dengan tidak ada berhulur tarik lagi. Umat Islam wajib mendirikan hak mereka menegakkan kalimah Tuhan dan hukum Tuhan dalam negara Indonesia negara yang pendukung-pendukungnya lebih banyak umat Islam tidak ada tawar-menawar, kata beliau.

Adakah ini akan dilaksanakan dengan adanya blok Islam itu? Jawabnya terserah kepada partai-partai Islam yang besar apakah mereka memikirkan masalah Islam atau memikirkan muslihat perseorangan sahaja?

Adakah umat Islam Indonesia tidak melihat bahawa ketuhanan yang maha Esa dijadikan salah satu dari pancasila yang ditegakkan oleh Sukarno itu tidak dikehendaki oleh Partai Kebangsaan? Apakah umat Islam tidak melihat bahawa sejak ucapannya Presiden dahulu di amutatai umat Islam dan persatuan-persatuannya dianggap musuh oleh Presiden serta dimomok-momokkan oleh Presiden supaya dihancurkan, kalau boleh "di-Ikhwan al-Musliminkan" oleh Sukarno sebagaimana yang berlaku di Mesir? Akibat-akibat inilah yang harus berlaku sekiranya kesatuan tentera di Indonesia itu dikuasai oleh

Presiden dan dapat ia menegakkan kekuasaan itu untuk meruntuhkan musuh-musuhnya atau dengan tepat iaitu Islam, Sebab ini tidak dapat dinafikan, Ini dilihat dari jauh dan dari dekat. Kalau berkata di depan seorang Islam tidaklah rupanya lain dari seorang Islam sebagai Presiden tetapi kalau dilihat amalnya, langkah dan jejak umat dipandang sebagai musuh, musuh ketat dari kepala negara yang bercita-cita hendak menjadi seorang diktator menumpukan segala kemewahan, menumpukan segala kebolehan di dalam tangannya dan akan berkata sesuka-sukanya untuk menghitam putihkan umat Islam Indonesia.

Ini dapat kita lihat dan dapat kita buktikan. Pihak-pihak pertengahan pegawai-pegawai angkatan darat Indonesia telah mengemukakan kenyataan-kenyataan bahawa mereka tidak puas hati dengan cara pentadbiran dan keadaan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Mereka menghendaki supaya tokoh-tokoh seperti Mohammad Hatta, Hamengku Buwono, Mohammad Natsir, Shahrir, itu dimajukan ke tengah untuk dijadikan pemimpin-pemimpin umat kerana mereka itulah orang-orang yang dipandang oleh rakyat jelata masih bersih, masih tinggi martabatnya di dalam masyarakat sekarang. Orang yang ada sekarang rendah kerana mempertahankan segala *corruption*, mempertahankan kesenangan pemimpin-pemimpin dan tidak memperdulikan keadaan rakyat. Orang-orang masih berpendapat bahawa jika ia juga yang memerintah Indonesia maka dalam masa yang tidak lama lagi negara Indonesia akan hancur, hancur sehancur-hancurnya. Oleh sebab itu umat Islam berharap dapatlah kiranya pemimpin-pemimpin lain, pemimpin yang jujur dimajukan ke tengah untuk melepaskan segala bencana, segala maksiat yang berkobar-kobar di seluruh Indonesia dibetulkan dan dibersihkan supaya rakyat menikmati kemakmuran di dalam negara merdekanya. (bersambung)

mendesak supaya orang yang dipercayai rakyat boleh dilantik menjadi perdana menteri iaitu orang-orang seperti Mohammad Natsir, Shahrir (Sjahrir-wikipedia), Hamengku Buwono dan Dr Hatta iaitu orang-orang yang dikatakan tidak digemari atau tidak disukai oleh Presiden Sukarno sendiri.

Orang-orang ini jika menjadi Perdana Menteri maka sudah terang Presiden Sukarno yang bersemboyan kerajaannya demokrasi parlimen itu tidak akan dapat lagi berbuat semahu-mahunya, bercakap sesukanya di hadapan umum sebab tiap-tiap cakap atau kata-kata di hadapan umum hendaklah terlebih dahulu disetujui oleh jemaah menteri, tidak seperti sekarang Presiden tidak boleh diganggu gugat. Salah Presiden apa lagi benar mesti diakui akibatnya boleh dilihat bahawa ucapan-ucapan yang dilakukannya Presiden memecahkan persatuan umat Indonesia berdiri dalam satu pihak (Partai Nasional Indonesia) menentang partai-partai yang lain, khususnya Masyumi dan partai-partai Islam yang tidak mahu tunduk atau takluk di bawah Presiden. Lantikan yang dilakukan di dalam angkatan darat semata-mata ditujukan untuk melemahkan angkatan itu dan melantik pahlawan-pahlawan hanya orang-orang yang boleh menyukainya- tidak orang-orang yang berani menunjukkan kebenaran, berani menunjukkan hak rakyat, berani berterang-terang menangkap atau membongkar rahsia *corruption* (makan suap) dan lainnya yang dilakukan oleh menteri-menteri P.N.I . Kolonel Kawi-larang, Zulkifli Lubis dan lain-lain pegawai tentera yang berani menegakkan kebenaran dicari jalan untuk disingkirkan dan dibuat tuduhan-tuduhan buruk. Kerana perbuatan *corruption* banyak sekali dilakukan tidak lain dan tidak bukan oleh orang-orang Partai Nasional sendiri dan sebab itulah harus Presiden Sukarno menandatangani Undang-undang *anti-corruption* (anti makan suap). Boleh jadi

kalau undang-undang itu berjalan maka sudah nyata orang-orang yang disayangi oleh Presiden sendiri menjadi mangsa yang pertama.

Berita-berita sudah nyata menunjukkan bagaimana dahulu Sidik Joyosukarto ketua P.N.I dengan serta merta menjadi kaya. Bagaimana gembung-gembung P. N.I menjadi hartawan dan mewah, bagaimana Abdul Ghani dipertahankan dari ditangkap dengan perintah Kolonel Kawilarang apabila mendapati bukti-bukti yang nyata tentang bersubahat atau makan siapa yang berkaitan dengan percetakan negara. Semuanya yang berlaku di Indonesia gambaran ringkas apa yang berlaku di Indonesia sebagai mukadimah tulisan yang bakal bersambung-bersambung ini.

Marilah kita melihat perkara-perkara sesudah terbentuk Dewan Konservatif dalam mana tatkala membukanya itu Presiden Sukarno telah menyatakan bahawa janganlah hendaknya dasar yang ada sekarang ini diubah dengan yang lain yang bakal dibuat oleh Dewan Konservatif itu. Orang tentu bertanya: Apakah ertinya sebuah Dewan Konservatif kalau bukan untuk merangka undang-undang dasar kerajaan yang tetap dan Presiden sendiri tentu mengetahui bahawa orang-orang Islam seluruhnya menghendaki negara Islam di Indonesia. Ini kewajiban umat Islam memperjuangkannya- dapat atau tidak bukan ketentuan mereka. Kemudian bagaimana caranya Presiden menentang pengertian-pengertian yang diperjuangkan secara demokrasi itu?

Di Bogor dalam dalam ucapannya di hadapan polis dan tenterabeliau mengapi-apikan supaya tentera dan polis hendaklah mempertahankan ideologi yang ada kalau perlu dengan kekerasan- demikianlah ringkasnya yang dimaksud oleh Presiden.

Apa ertinya ini? Kalau dikaitkan dengan perjuangan beliau untuk memecah-mecahkan kesatuang angkatan darat dan

memilih pemimpin di dalam angkatan darat itu orang-orangnya sendiri maka sudah barang tentu tujuan dan cita-cita Presiden mahu menguasai Indonesia dengan pemerintahan diktator. Ini lebih nyata kalau dicontohkan pula dengan ucapan-ucapannya untuk menghapuskan partai-partai iaitu sesudah ia pulang dari melawat negara-negara eropah dan Komunis dahulu.

Dengan ini timbul satu soal: apakah Presiden Sukarno itu mahu berleluasa menguasai umat Indonesia, dan sebagaimana keterangan-keterangan yang didapati, menghendaki pula kelak pangkat kepada negara itu menjadi hak-hak keturunan sebagaimana yang dibayangkan daripada gerak-gerak Presiden dengan anaknya Guntur itu?

Perkara ini sebenarnya telah mengemparkan seluruh Indonesia dan lebih hebat lagi bahawa Presiden sudah mengeluarkan kata-kata seolah-olah bergantung jawab kepada partai-partai yang banyak adanya itu ialah Dr Hatta, yang pada masa itu menjawat jawatan wakil Presiden.

Seluruh umat Indonesia melihat, terutamanya umat Islam bahawa Presiden itu terang-terang menyalahi Partai Nasional dalam masa pemilihan umum yang lalu pada hal sifatnya sebagai kepala negara mestilah tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak walaupun pihak sendiri. Presiden sendiri pergi ke merata ceruk Indonesia mengadakan rapat-rapat umum untuk mempengaruhi rakyat supaya jangan memilih calon-calon Islam tetapi pilihlah calon-calon Partai Nasionalis yang akan menegakkan cita-cita panca sila yang sudah terang ditaja dan disalurkan olehnya untuk mengeneipikan agama daripada pemerintahan rakyat.

Pada masa itu langkah-langkah yang dijalankan iaitu cuba memecahkan persatuan umat Islam telah berjaya.

Presiden Sukarno dengan P.N.I nya sudah dapat memecahkan atau menjauhkan Nahdatul Ulama' daripada saudaranya iaitu umat Islam Masyumi. Kalau tadinya umat Islam bersatu di dalam Masyumi maka dengan kebijaksanaan Partai Nasionalis umat Islam dapat dipecahkan dan berdirilah Muslim Liga Indonesia yang ditaja oleh Nahdatul Ulama' P.S.I.I dan partai iaitu tubuh-tubuh yang boleh dikatakan dapat diperalat oleh kaum nasional untuk menentang saudaranya sendiri kaum muslimin sehingga mereka itu melupakan bahawa sepatutnya mereka tegas terhadap partai-partai di luar Islam dan terbaik-baik di antara sesama umat Islam.

Tuhan sudah menunjukkan yang benar itu benar, yang hak itu hak. Apabila berlaku pemilihan tentang ketua Dewan Perwakilan Rakyat, maka dengan pujukan yang baik dari Partai Nasionalis Nahdatul Ulama' bersetuju supaya orang Partai Nasionalis menjadi ketua Dewan Perwakilan Rakyat, dan apabila diundi Nahdatul Ulama' menyebelahi pihak nasionalis dengan perjanjian bahawa kelak apabila berlaku pemilihan yang dipertua Dewan Konstitusi (Perlembagaan) hendaklah calon Nahdatul Ulama' dipilih. Tetapi apa yang telah jadi? Jawabnya apabila Nahdatul 'Ulama' mencalonkan Kiyai Haji Dahlan menjadi ketua Dewan Perlembagaan itu maka calon itu ditentang oleh Partai Nasionalis yang mencalonkan pula Wilopo, sebagai ketua dewan itu,

Pada mulanya Masyumi mencalonkan juga wakilnya sebagai yang dipertua dewan itu tetapi apabila melihat Nahdatul Ulama' mencalonkan Kiyai Dahlan, maka Masyumi sebagai sifatnya rahamā baynahum menarik calonnya dan membiarkan undinya sebanyak 112 suara untuk menyokong calon Nahdatul Ulama'. Tetapi malangnya pemberian yang bersih

dan suci belum dapat menegakkan calon

Nahdatul Ulama' kerana dikalahkan oleh suara-suara yang menyebelahi P.N.I.

Ini ialah satu kejadian yang mempercantaskan Nahdatul Ulama' dan terjadilah perkara-perkara yang terang dan jelas bahawa puak kebangsaan itu tidak memberi kerjasama pada partai-partai Islam dan di sini dijelaskan Tuhan apa maksudnya *ruḥamā' baynahum*. Maka dengan kejadian itu berdirilah di dalam perlembagaan itu satu blok yang dinamakan blok Islam untuk menegakkan kemuliaan Islam.

Kiyai Isa Anshari sebelum dewan itu bersidang mengatakan bahawa umat Islam wajib menegakkan cita-cita Islam dengan tidak ada berhulur tarik lagi. Umat Islam wajib mendirikan hak mereka menegakkan kalimah Tuhan dan hukum Tuhan dalam negara Indonesia negara yang pendukung-pendukungnya lebih banyak umat Islam tidak ada tawar-menawar, kata beliau.

Adakah ini akan dilaksanakan dengan adanya blok Islam itu? Jawabnya terserah kepada partai-partai Islam yang besar apakah mereka memikirkan masalah Islam atau memikirkan muslihat perseorangan sahaja?

Adakah umat Islam Indonesia tidak melihat bahawa ketuhanan yang maha Esa dijadikan salah satu dari pancasila yang ditegakkan oleh Sukarno itu tidak dikehendaki oleh Partai Kebangsaan? Apakah umat Islam tidak melihat bahawa sejak ucapannya Presiden dahulu di amutatai umat Islam dan persatuan-persatuannya dianggap musuh oleh Presiden serta dimomok-momokkan oleh Presiden supaya dihancurkan, kalau boleh "di-Ikhwān al-Muslimīn" oleh Sukarno sebagaimana yang berlaku di Mesir? Akibat-akibat inilah yang harus berlaku sekiranya kesatuan tentera di Indonesia itu dikuasai oleh

Presiden dan dapat ia menegakkan kekuasaan itu untuk meruntuhkan musuh-musuhnya atau dengan tepat iaitu Islam, Sebab ini tidak dapat dinafikan, Ini dilihat dari jauh dan dari dekat. Kalau berkata di depan seorang Islam tidaklah rupanya lain dari seorang Islam sebagai Presiden tetapi kalau dilihat amalnya, langkah dan jejak umat dipandang sebagai musuh, musuh ketat dari kepala negara yang bercita-cita hendak menjadi seorang diktator menumpukan segala kemewahan, menumpukan segala kebolehan di dalam tangannya dan akan berkata sesuka-sukanya untuk menghitam putihkan umat Islam Indonesia.

Ini dapat kita lihat dan dapat kita buktikan. Pihak-pihak pertengahan pegawai-pegawai angkatan darat Indonesia telah mengemukakan kenyataan-kenyataan bahawa mereka tidak puas hati dengan cara pentadbiran dan keadaan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Mereka menghendaki supaya tokoh-tokoh seperti Mohammad Hatta, Hamengku Buwono, Mohammad Natsir, Shahrir, itu dimajukan ke tengah untuk dijadikan pemimpin-pemimpin umat kerana mereka itulah orang-orang yang dipandang oleh rakyat jelata masih bersih, masih tinggi martabatnya di dalam masyarakat sekarang. Orang yang ada sekarang rendah kerana mempertahankan segala *corruption*, mempertahankan kesenangan pemimpin-pemimpin dan tidak memperdulikan keadaan rakyat. Orang-orang masih berpendapat bahawa jika ia juga yang memerintah Indonesia maka dalam masa yang tidak lama lagi negara Indonesia akan hancur, hancur sehancur-hancurnya. Oleh sebab itu umat Islam berharap dapatlah kiranya pemimpin-pemimpin lain, pemimpin yang jujur dimajukan ke tengah untuk melepaskan segala bencana, segala maksiat yang berkobar-kobar di seluruh Indonesia dibetulkan dan dibersihkan supaya rakyat menikmati kemakmuran di dalam negara merdekanya. (bersambung)